

17/01/2002

Pusat Pendidikan Komuniti Kubang Pasu terima satelit bumi

Faiza Zainudin

PUSAT Pendidikan Komuniti (PPK) Parlimen Kubang Pasu, Jitra, Kedah mencatat sejarah apabila menjadi pusat siber pertama di negara ini menerima satelit bumi dan berupaya mencapai maklumat dari seluruh pelosok dunia.

Sebagai pusat pendidikan komuniti setempat, perkhidmatan Internet melalui satelit pusat sumbangan syarikat Bumiputera, Smart Multimedia Technology Sdn Bhd (Smart) itu, membolehkan semua lapisan masyarakat menikmati perkhidmatan Internet berjalur lebar.

Pengerusi PPK Parlimen Kubang Pasu, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri berkata, sebagai pusat pendidikan siber pertama diwujudkan di negara ini bagi memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar, sumbangan itu membantu orang ramai mendapat maklumat terkini secara langsung.

Beliau berkata, secara tidak langsung, satelit itu memberi kemudahan berkomunikasi melalui data, suara dan video secara pantas dan murah tanpa mengira lokasi geografi berbanding sistem sedia ada yang menggunakan wayer fiber-optik.

Katanya, dengan sokongan kemudahan canggih itu, ia menawarkan perkhidmatan pendidikan jarak jauh (PJJ) secara interaktif, perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi, penyaluran video secara langsung dan menjadi penyalur Internet pelbagai hala kepada pengguna di negara ini ke seluruh dunia.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, selain menawarkan sistem satelit sehalu dengan sokongan firma antarabangsa seperti Loral Cyberstar dan Speedcast, pusat pendidikan itu turut menempa beberapa kemajuan lain yang dianggap kejayaan memberangsangkan.

"Pelajar khususnya bukan sahaja dapat belajar pelbagai kursus komputer yang ditawarkan oleh tenaga pengajar berpengalaman UUM, malahan dapat meningkatkan kefahaman pembelajaran mereka bagi menghadapi peperiksaan penting seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Mulai hari ini, mereka bebas melayari laman web portal pendidikan 'School To You' yang disumbangkan School To You Sdn Bhd (SYSB) dengan menggunakan kad pintar bagi membolehkan mereka melayari laman berkenaan," katanya kepada Berita Harian di PPK, dekat Jitra, baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Canselori UUM, Mohd Zaini Nasri; Ketua Pegawai Eksekutif SYSB, Nik Azman Nik Abdul Aziz dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Rhythm Consolidated Berhad (RCB), Ahmad Redza Khairudin.

Pusat pendidikan pertama ditubuhkan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 10 November lalu dan pelancaran kemudahan baru termasuk satelit bumi itu akan dilaksanakan oleh isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, esok.

Sehingga kini, pusat itu telah melatih lebih 2,000 penduduk setempat menggunakan kemudahan dan kelengkapan moden seperti 40 komputer baru sumbangan badan bukan kerajaan dan agensi kerajaan di sebuah bangunan yang dahulunya pasar basah.

Selain kemudahan pembelajaran berkomputer dan bilik bacaan lengkap dengan bahan bacaan sumbangan RCB, PPK juga menubuhkan Unit Kaunselingnya sendiri bagi membimbing belia meningkatkan kualiti diri.

Dr Ahmad Fawzi berkata, satu lagi kejayaan pusat komuniti itu ialah menjadi perintis melatih pelajar dan penduduk setempat peluang mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran diri membaiki dan memasang

komputer.

Beliau berkata, menerusi bengkel pemasangan dan baik pulih komputer yang dinamakan Tekno Inkubator dengan usaha sama UUM dapat melahirkan lebih ramai pelatih mahir sekali gus usahawan yang berjaya dalam teknologi maklumat.

Katanya, program pemasangan komputer itu akan diperluas ke seluruh negara selaras matlamat kerajaan dalam pembangunan ICT bagi melahirkan lebih ramai usahawan dan pekerja mahir bagi memenuhi keperluan negara.

"Pusat ini yang berjaya memberi sumbangan kepada penduduk setempat seawal usia tujuh tahun hingga 60-an belajar komputer serta membantu mereka yang berminat belajar program pemasangan komputer dengan yuran yang berpatutan," katanya.

(END)